

LEE Kuok Tiung
Universiti Malaysia Sabah
MOHD SAFAR Hasim
Universiti Kebangsaan Malaysia

ARTIKULASI ISU-ISU SEJARAH DALAM MEDIA MASSA DI MALAYSIA

ARTICULATION OF HISTORY ISSUES IN MALAYSIAN MASS MEDIA

Kajian ini bertujuan menelusuri perkembangan mediaskap di Malaysia secara sepintas lalu dan diikuti artikulasi isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia menerusi temubual mendalam dengan pengamal media. Secara umumnya, dari awal pengenalan akhbar sewaktu zaman penjajahan British sehinggalah kemunculan internet telah menyaksikan perubahan yang dramatik. Media memainkan pelbagai peranan penting kepada masyarakat mengikut peredaran masa. Peranan paling awal yang boleh dilihat adalah inisiatif mewujudkan semangat nasionalisme dan seterusnya mengerakkan usaha menuntut kemerdekaan. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh media di Malaysia dalam beberapa dekad kebelakangan ini untuk mengetengahkan peristiwa-peristiwa bersejarah bagi mempromosi toleransi dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pluralistik Malaysia. Media juga dilihat secara konsisten berkompromi dengan dasar kerajaan untuk menghasilkan kandungan yang bersesuaian dengan nilai-nilai ketimuran dan memenuhi aspirasi negara melahirkan masyarakat demokratik yang liberal menjelang tahun 2020. Pelbagai program telah diterbitkan dengan matlamat memperkenalkan sejarah Malaysia misalannya Hari Ini Dalam Sejarah disamping menyelitikan peristiwa-peristiwa bersejarah sebagai latar cerita bagi mempromosi keharmonian dan keamanan kepada masyarakat multi etnik di Malaysia. Usaha ini dipermudahkan dengan dasar yang diterapkan oleh kerajaan. Kemunculan internet terutamanya enjin pencarian telah membuka peluang kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengakses lebih banyak maklumat. Sementara itu, media sosial telah bertindak sebagai platform wacana publik dan bertukar-tukar fikiran.

Kata kunci: *Artikulasi, Isu-isu sejarah, Kewartawanan, Penyiaran, & Toleransi.*

This study aims to describe mediascape development in Malaysia and articulation of history issues in Malaysian mass media through

in-depth interviews with media practitioners. Generally, Malaysia mediascape has changed from the early introduction of the press during the British colonial era until the recently emergence of internet. Media play different significant roles for society over time. The earliest role was the efforts to create nationalism awareness and mobilize efforts to push for independence. Malaysian mass media have made tremendous efforts in recent decades to highlight historical events in media content to promote tolerance and unity among Malaysian multiracial society. The media have also showed consistent compromise with government policies in producing content that is appropriate with eastern values and national aspiration to create a liberal democratic society by 2020. Numerous programs were produced with the aim of promoting Malaysia history such as 'Hari Ini Dalam Sejarah' besides inserting historical events serving as background to media contents which promote peace and harmony in multi ethnic society. The emergence of internet search engine has provided opportunities for those interested with history access to more information. Meanwhile, social media has served as platform for public discourse and exchange of thoughts in Malaysian media.

Keywords: *Articulation, Historical issues, Journalism, Broadcasting, & Tolerance.*

Pengenalan

Bertitik-tolak dari awal pengenalan persuratkhabaran di Malaysia sehinggalah terkini, kemunculan portal berita secara *online* di internet, mediaskap di Malaysia menyaksikan suatu perubahan yang dramatik. Meskipun akhbar mengalami nasib yang berbeza dan berhadapan pelbagai cabaran sepertimana menurut pandangan Mohd Safar Hasim (2003) dan Mohamed Hashim bin Ahmad Makaruddin (2006), industri persuratkhabaran yang membuka lembaran mediaskap di Malaysia sehingga hari ini sebenarnya masih berdiri teguh dengan keunikannya tersendiri. Akhbar dalam konteks masyarakat Malaysia sebenarnya juga telah berjaya melepasi sekurang-kurangnya dua evolusi media massa di Malaysia iaitu pertamanya, kehadiran media elektronik iaitu radio serta televisyen, dan keduanya, apabila internet mula menembusi Malaysia pada pertengahan 1990-an. Ketika media elektronik radio dan seterusnya televisyen diperkenalkan, ramai beranggapan populariti akhbar akan merosot mahupun hilang tempatnya dalam kalangan masyarakat tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya kerana akhbar semakin berkembang seiringan dengan penambahan kadar literasi rakyat Malaysia. Jumlah jualan akhbar-akhbar arus perdana versi cetak pada hari ini mungkin benar ada

mengalami kemerosotan tetapi jikalau mengambilkira sirkulasi akhbar-akhbar baharu yang dilancarkan oleh syarikat akhbar yang sama seperti *Sinar Harian* (2006), *KOSMO!* (2004), *Utusan Borneo* (2 Januari 2008, sebelum ini ia hanyalah akhbar sisipan dalam *The Borneo Post* sejak tahun 1994), dan sebagainya sebenarnya menunjukkan keseluruhan sirkulasi akhbar di seluruh Malaysia semakin meningkat saban tahun.

Mediaskap di Malaysia kini lebih pelbagai dan khalayak juga mempunyai lebih banyak pilihan mengikut citarasa dan kemampuan masing-masing. Rata-rata khalayak media ini terdiri daripada masyarakat Malaysia yang modern dan moderate. Saluran-saluran media yang boleh ditemui di Malaysia kini boleh dikategorikan berdasarkan beberapa cara seperti media arus perdana atau media alternatif, akhbar kualiti atau akhbar popular, *broadsheet* ataupun *tabloid* ataupun media cetak dengan media elektronik, media prestij atau sebagainya. Setiap akhbar yang ada mempunyai kecenderungan kewartawanannya tersendiri dan khalayak sasaran masing-masing. Rata-rata media di Malaysia juga seperti pandangan McChesney (1999) telah menyediakan ruang untuk wacana publik berhubung isu-isu kebudayaan dan sosial, peristiwa politik, perkembangan ekonomi, dan kehidupan masyarakat secara umumnya untuk mengambil tempat sambil dipengaruhi penapisan sendiri, pengampang, ideologi dan sebagainya dari perspektif masing-masing. Pengisian kandungan media menyentuh hampir semua hal bagi seseorang individu atau sesebuah kumpulan bersaing bagi mendapatkan kesahan. Begitupun perlu diambilkira juga keperihatinan yang dilontarkan oleh sarjana seperti Champlin dan Knoedler (2002) menyatakan integriti dalam kewartawan adalah persoalan yang masih tiada titik noktah perdebatannya disebabkan pelbagai faktor misalnya pengaruh daripada golongan kapitalis menjadikan pihak eksekutif sesebuah penerbitan lebih berkuasa daripada kebebasan kepada wartawan menulis atau melaporkan sesuatu.

Ledakan maklumat terutamanya daripada media elektronik bermula dengan pengenalan radio, televisyen dan seterusnya kemunculan internet telah menambah seri mediaskap di Malaysia. Maklumat yang disampaikan menerusi berita sekian lama telah diperakui telah mempengaruhi pemikiran khalayak (Altschull, 1984). Pengenalan media sosial telah membuka ruang kepada semua rakyat Malaysia menjadi pemerhati (*watchdog*) dan *whistleblower* kepada salahlaku kerajaan memerintah. Media baru ini mengikut analisis oleh *socialbakers* (www.socialbakers.com), *alexa* (www.alexa.com), Malaysian Digital Association (MDA) mahupun comScore Inc (www.somscore.com) menunjukkan ia semakin popular dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat Malaysia. Mungkin perkara yang membimbangkan adalah ketiadaan satu mekanisme standard yang boleh digunakan untuk menentukan kesahihan dan kebolehpercayaan limpahan maklumat yang disebarkan dalam media sosial. Sebagaimana dinyatakan oleh Johnson dan Kaye (1998), ciri asas internet adalah keupayaan capaian bebas untuk menyebarkan dan memperoleh maklumat

tanpa sebarang saringan yang mana sebenarnya juga boleh dipersoalkan kebolehpercayaan terhadapnya sebagai sumber maklumat.

Kemunculan media baru seperti internet telah banyak mengubah mediaskap Malaysia terutamanya mengubah cara para pengguna berurusan dengan berita akhbar kerana mereka boleh memperoleh berita melalui versi online. Ini pada amnya berkait rapat dengan populariti *smartphone* (telefon pintar) dalam kalangan rakyat Malaysia dan kemudahan akses Internet yang mudah diperolehi. Kemunculan saluran media alternatif ini bukan sahaja mengubah corak penghantaran dan pengaliran maklumat, malah mencetuskan penyebaran pendapat awam secara meluas. Dari awal lagi kajian Hewitt (2003) mendedahkan kemunculan media baharu iaitu internet begitu popular dan berpengaruh sehingga berjaya mencorak pendapat awam dalam menentukan presiden Amerika Syarikat pada tahun 2004. Rata-rata para sarjana melihat perkembangan media alternatif ini sebagai arena baru untuk meluahkan sesuatu yang tidak berpeluang disampaikan dalam media arus perdana yang terikat dengan pelbagai peraturan dan dasar kerajaan.

Akhbar-akhbar di Malaysia melalui nasib yang berbeza-beza di mana sebahagian besarnya telah tiada. Bukan sejarah akhbar itu sahaja tetapi peristiwa-peristiwa penting bersejarah yang berlaku di masa lalu dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang dilaporkan dalam media itu sebenarnya sama penting. Ini seperti menurut pendapat Ahmad Murad Merican (2010) yang menyebut bahawa struktur berita dan naratif budaya merupakan komponen yang bergabung dan saling melengkapi antara satu sama lain. Mengimbas kembali sejarah bukanlah sesuatu yang gemar dilakukan oleh semua orang terutamanya peristiwa pahit lalu yang sukar ditelan. Sesetengah pihak lebih cenderung memilih untuk melupakan perkara lampau sekiranya ia tidak memberikan perasaan menyenangkan bila dikenang. Begitupun, sudah pasti ianya menarik jika dilakukan suatu penelusuran kemunculan dan perkembangan media massa di Malaysia dan juga pengartikulasian isu-isu sejarah dalam media massa di Malaysia berdasarkan pandangan-pandangan daripada pengamal media di Malaysia.

Pengenalan dan Perkembangan Media Massa di Malaysia

Akhbar pertama yang berjaya dikesan di Malaysia (sehingga ini) adalah *Prince of Wales Island Gazette* (1806-1827) diterbitkan di Pulau Pinang dalam Bahasa Inggeris dengan tujuan berkhidmat untuk kerajaan kolonial British di Tanah Melayu dan kandungannya mensasarkan golongan yang pandai Bahasa Inggeris. Akhbar-akhbar lain yang wujud sebelum abad ke-19 adalah *Singapore Chronicle* (1824), *Singapore Free Press* (1835), *Penang Gazette* (1838), *The Straits Times* (1845), *Malay Mail* (1896), dan *Jawi Peranakan* (1876). *Criterion Press* yang diasaskan oleh Lim Hua Chiam merupakan penerbit untuk tiga buah akhbar terawal di Pulau Pinang iaitu akhbar berbahasa mandarin *Penang*

Sin Po (1895 oleh Lim Seng Hooi), dan akhbar berbahasa Melayu *Chahaya Pulau Pinang* (1899) dan *Strait Echo* (Bahasa Inggeris) yang dimulakan pada 1903. Akhbar-akhbar lain yang wujud sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pula adalah seperti *Malay Tribune* (1915), *Nanyang Siang Pau* (1923), *Saudara* (1928-1940), *Warta Malaya* (1930), *Majlis* (1931), *Lembaga Malaya* (1935), *Sin Chew Jit Poh* (1929), *Melayu Raya* (1950), *Warta Negara* (1945) dan sebagainya.

Penelusuran perkembangan akhbar di Malaysia mengikut kronologi masanya mendedahkan kebanyakan akhbar-akhbar yang wujud semasa zaman pramerdeka seperti *Utusan Melayu* (Jawi), *Utusan Zaman*, *Utusan Malaysia* (dalam tulisan rumi), *Mingguan Malaysia*, *Berita Harian* (Rumi), *Berita Minggu*, *Bintang Timur*, *Watan*, *Harian Nasional*, *Mingguan Perdana*, *Mingguan Tanahair*, *Mingguan Islam* dan sebagainya pada dasarnya ditubuhkan atas perjuangan nasionalisme iaitu menuntut kemerdekaan. Syarikat Utusan Melayu yang menerbitkan akhbar *Utusan Melayu* (UM) pada tahun 1939 merupakan akhbar Melayu yang bertahan dan masih hidup sehingga sekarang. Ia tetap dengan identitinya yang menjalankan dasar untuk berkhidmat kepada bangsa, agama dan negara.

Akhbar Mandarin tertua dan masih wujud ialah *Nanyang Siang Pau* (1923) dan *Sin Chew Jit Poh* (1929) di mana pada awal pengenalannya isi kandungannya lebih cenderung kepada cerita-cerita perkembangan di Tanah Besar China untuk pengetahuan imigran Cina yang bekerja di Tanah Melayu (akhbar-akhbar Bahasa Mandarin lain yang masih boleh ditemui hanya muncul 40 tahun kemudian). Begitupun kandungan editorial mereka berubah kepada perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Ke-2 yang mana banyak menyaksikan kerjasama di antara MCA, UMNO dan MIC ke arah usaha pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Era sejourus selepas kemerdekaan Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) pada 31 Ogos 1957 menyaksikan kesinambungan dasar media kerajaan penjajah British yang menentang komunisme dan gerakan kiri oleh kerajaan Malaya yang pro-Barat.

Melihat dari konteks perkembangan industri persuratkhabaran di negeri Sabah dan Sarawak juga menunjukkan perkembangan memberangsangkan bermula dengan pengenalan akhbar berbahasa Inggeris *British North Borneo Herald & Official Gazette* di pekan Kudat pada tahun 1883 oleh orang-orang Inggeris. Akhbar tersebut berkembang menjadi dua buah akhbar iaitu *Gazette* dan *The British North Borneo Herald and Monthly Record* dua tahun kemudian tetapi dihentikan penerbitannya apabila Jepun menakluki Sabah pada tahun 1941. Bahan-bahan yang boleh diperolehi dari Arkib Negeri Sabah seperti “*The Newspaper: The Public Mind Opener – An Introduction to Newspapers at the Sabah State Archives*” terbitan The Sabah State Archives (1994) dan beberapa sumber lain menunjukkan akhbar-akhbar yang pernah muncul di Sabah (di mana sebahagiannya masih wujud pada hari ini) adalah *The Herald* (1883-1941), *Oversea Chinese Daily News* (1949, 1960-1967, 1972-1985,

1987-1993), *North Borneo News* (1949-1954), *Kinabalu News Bulletin* (1951-1954), *The Sabah Times* (1954), *North Borneo News and Sabah Times* (1954-1963), *The Sabah Times* [Bahasa Mandarin (1963-1966); & Bahasa Inggeris (1963-1968, 1980-1993), *Kinabalu Sabah Times* [Bahasa Mandarin (1967, 1969-1975) & Bahasa Inggeris (1969-1979)], *Anak Sabah* (1956-1966), *Sandakan Jih Pao* (Bahasa Mandarin – 1960-1967, 1969-1975, 1980-1984, 1992, 1993), *Sandakan Sunday News* (1962), *Kinabalu Observer Evening Post* (Bahasa Mandarin – 1960-1961), *Api Siang Pao* (Chinese – 1960-1967), *Borneo Times* [Bahasa Mandarin (1960, 1967), Bahasa Inggeris (1962, 1963)], *Borneo Post* (Bahasa Mandarin – 1961), *Kinabalu Daily News* (Chinese – 1962, 1963), *Tawau Jih Pao* (1962-1967, 1969-1971), *Daily Express* (1963-1933), *Kinabalu Sunday Times* (1965-1967), *The Kinabalu Times* (1966-1968), *Eastern Malaysia Evening Post* (1966), *Merdeka Daily News* (1968-1980), *The Kinabalu Weekend* (1976-1977, 1979-1981), *Asia Times* (Bahasa Mandarin - 1981), *Sabah Shi Pao* (1981), *Borneo mail* (1988-1993), *Today's News* (1988-1990) dan *Borneo Post* (1994).

Hasil kajian Lee Kuok Tiung, Mohd Safar Hasim, dan Baszley Bee Basrah Bee (2011) menunjukkan akhbar berbahasa Mandarin *Overseas Chinese Daily News (OCDN)* yang mula diterbitkan pada tahun 1936 merupakan akhbar tertua di negeri Sabah. Sebuah lagi akhbar berbahasa Inggeris muncul pada tahun 1949 iaitu *North Borneo News* yang berpusat di Sandakan (ibu negeri negeri Sabah sebelum dipindahkan ke Kota Kinabalu (nama lama Jesselton). Tahun 1953 menyaksikan sebuah lagi akhbar berbahasa Inggeris diperkenalkan iaitu *The Sabah Times* di Jesselton (kini dikenali Kota Kinabalu). *OCDN* seterusnya memperkembangkan operasinya dengan menerbitkan akhbar berbahasa Inggeris yang diberikan nama *Kinabalu News Bulletin*. Dalam pada itu, pasaran yang terhad, kekangan kos penerbitan dan keterlibatan daripada pemerintah kerajaan tanah jajahan mahkota British akhirnya membawa kedua-dua akhbar tersebut digabungkan atas nama *North Borneo News and Sabah Times*. Menghampiri penghujung 1950-an dan awal 1960-an, bibit-bibit perbualan pembentukan Malaysia yang diusulkan oleh Tunku Abdul Rahman semakin hangat diperkatakan. Dua buah akhbar iaitu *Api Siang Pao* di Kota Kinabalu dan *Sandakan Jih Pao* (kini sudah berhenti beroperasi) di Sandakan telah muncul pada tahun 1960. Perkembangan politik terbabit membawa kepada pengenalan akhbar *The Borneo Times* setahun kemudian di Sandakan untuk menekan pendirian politik akhbar *North Borneo News & Sabah Times* yang tidak bersetuju dengan gagasan pembentukan Malaysia tersebut. Dua buah akhbar berbahasa Mandarin atas inisiatif masyarakat Cina di Sabah yang tidak bersetuju dengan cadangan menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak tersebut turut diperkenalkan pada tahun yang sama iaitu *Kinabalu Daily News* di Sandakan dan *Tawau Jih Pao* di Tawau. Akhbar nasional pula mempunyai edisi-edisi berlainan untuk wilayah-wilayah yang berlainan pada

kelazimannya mempunyai koresponden berita mereka di seluruh negara. Akhbar-akhbar tempatan di Sabah dan Sarawak lazimnya bergantung kepada agensi berita untuk memperolehi berita peristiwa-peristiwa yang berlaku di Semenanjung Malaysia dan luar negara. Seperkara yang menarik di sini ialah adakalanya akhbar tempatan di Sabah memilih menggunakan bahan berita dari agensi berita antarabangsa terutamanya *Reuters* dan *AP* untuk peristiwa semasa yang berlaku di Semenanjung Malaysia.

Dasar baharu kerajaan Malaysia yang mensyaratkan akhbar hanya boleh dimiliki oleh rakyat Malaysia telah menyaksikan beberapa akhbar bertukar tangan. Misalnya, *Sin Chew Daily* (di Petaling Jaya) dan *Sin Ping Daily* di Pulau Pinang yang dimiliki keluarga Aw telah diambil alih oleh Dato' Lim Kheng Kim. Pada 29 September 1986 akhbar *Sin Ping Daily* telah memberhentikan operasi mereka sambil dikuti oleh *National Echo* yang sebelum ini dikenali sebagai *Strait Echo*. Pada tahun 1987 akhbar *Sin Ping Daily* telah diambilalih oleh pekerja-pekerja mereka dan *Sin Chew Daily* dijual kepada Tan Sri Tiong Hiew King (Rimbunan Hijau) manakala *National Echo* ditutup. Dalam *Ops Lalang* pada Oktober 1987 telah menyaksikan tiga buah akhbar iaitu *Sin Chew Daily*, *The Star*, dan *Watan* telah digantung lesen penerbitan mereka di samping penahanan 119 individu di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960). Pada Disember 1987, akhbar *Sin Ping Daily* berjaya didaftarkan semula dengan nama *Guang Ming Daily*. Akhbar-akhbar juga dikehendaki memohon permit penerbitan yang baharu setiap tahun sebelum ini.

Sementara itu seiringan dengan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), penyaluran berita yang dahulunya bergantung dengan akhbar kini turut menyaksikan bertukar kepada secara elektronik yang mana Internet dipilih sebagai saluran pengantara. Kumpulan News Straits Times Press (NSTP), dan Media Chinese International Limited (MCIL) yang merupakan pemain utama dalam industri media bercetak di Malaysia telah mengambil inisiatif menerbitkan versi online dalam bahasa lain untuk menembusi khalayak sasaran di seluruh dunia. Sebagai contoh *The Star* telah melancarkan laman berbahasa Melayu *mstar.com.my* (<http://mstar.com.my/>) manakala *Sin Chew Daily* telah memperkenalkan *mysinchew.com* (<http://www.mysinchew.com/>) yang menyampaikan berita dalam Bahasa Inggeris. Bagi akhbar bahasa Inggeris, *The Star*, langkah mewujudkan portal berita *mstar.com.my* dilihat oleh pesaing dan khalayak sebagai langkah penting dalam usaha menembusi pasaran Melayu.

Kedaaan sedemikian mempercepatkan lagi proses penyebaran maklumat sambil mencakupi konteks yang lebih luas. Walaupun masih baru di Malaysia, kecenderungan tersebut (*fledgling*) membayangkan apa yang sedang berlaku dalam industri akhbar seluruh dunia dan menimbulkan pelbagai persoalan mengenai kepentingan global. Di samping menyediakan berita peristiwa semasa, aplikasi yang menyimpan data-data dan berita lama dalam

laman arkib seperti *emedia* (www.emedia.com.my) membantu memudahkan penggunaanya mengakses kepada maklumat. Ini mungkin boleh jadi disumbang oleh kesedaran maklumat penting kepada negara membangun bermula anjakan daripada masyarakat pertanian kepada tahap awal perindustrian agar tidak kekal tersisih sama ada secara ekonomi, sosial dan budaya. Bagaimanapun menyentuh soal berita luar negara, rata-rata media Malaysia masih bergantung kepada agensi-agensi berita antarabangsa yang dikenali sebagai *The Big Four* yang iaitu *Associated Press* (AP), *United Press International* (UPI), *Reuters*, dan *Agence France Press* (AFP) untuk memperolehi berita. Koresponden pemberita hanya ada untuk media nasional seperti *The Star*, *New Straits Times*, *Berita Harian*, *TV3* dan sebagainya tetapi dalam konteks dalam Malaysia sahaja misalnya di Sabah dan Sarawak.

Dalam masa sama televisyen turut memainkan peranan penting dan menjadi salah satu platform utama untuk wacana publik mengenai isu-isu sosial, politik dan berkenaan dengan kehidupan demokratik. Dalam erti kata lain, globalisasi media dan teknologi yang semakin berkembang hasil daripada idea dan pengetahuan penciptanya darip pelbagai latar belakang budaya yang berlainan telah memperlihatkan gabungan audiovisual dalam memberikan landskap yang mampu menjadikan sesuatu proses komunikasi itu menjadi lebih luas dan tidak terhad. Hal ini disebabkan oleh transformasi teknologi dan fenomena persejagatan dunia melalui globalisasi. Namun perlu diingatkan juga bahawa transformasi teknologi jugalah yang telah membawa keburukan terhadap industri media dan pengguna media. Hal ini dapat diteliti melalui perubahan dalam beberapa aspek terutamanya dari segi ideologi. Kecenderungan untuk bersaing antara satu organisasi media dengan organisasi media yang lain membuatkan mereka cuba untuk menjadi lebih kreatif sehingga ada organisasi media yang sanggup melanggar etika.

Media Prima (syarikat pegangan NSTP) dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) merupakan dua nama yang sinonim dalam penyiaran televisyen *free-to-air* (FTA) untuk rakyat Malaysia. Boleh juga dikatakan hanya kedua-dua pihak tersebut sahaja yang bersedia mengusahakan siaran televisyen percuma kepada rakyat Malaysia. RTM mempunyai dua saluran iaitu TV1 dan TV2, manakala Media Prima mengoperasikan TV3, NTV7, 8TV dan TV9. Namun bagi tempoh masa tiga dekad kebelakangan ini Malaysia telah melalui suatu tempoh penambahan pilihan siaran televisyen secara mendadak terutamanya kemunculan saluran televisyen swasta. Bagi televisyen berbayar di Malaysia Astro All Asia Networks plc dan MiTV merupakan dua nama “pembekal” yang cukup glamour. Dengan kemunculan saluran-saluran media elektronik seperti *tv9*, *MyFM*, *Wa TV* dan sebagainya nyata akan memperluaskan skop pilihan media ke seluruh Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Desakan perkembangan sains dan teknologi memaksa pengusaha atau pemilik media di Malaysia meletakkan sasaran penonton yang tersendiri.

Kewujudan TV3 pada 1 Jun 1984 hasil dasar penswastaan merupakan

titik-tolak sebenar kepada perubahan mediaskap di Malaysia. Sebagai sebuah stesen swasta yang berorientasikan keuntungan, produk yang disiarkan lebih menjurus kepada hiburan telah berjaya menarik perhatian orang ramai. Pengenalan stesen televisyen satelit berbayar iaitu melalui kehadiran Measat Broadcast Network System Sdn Bhd dan U Telecom Media Holdings Sdn. Bhd., operator stesen televisyen berbayar yang sebelum ini dikenali sebagai MiTV Corp Sdn Bhd (*Malaysia's digital terrestrial multi-channel pay-TV operator*) dalam sistem telekomunikasi turut dilihat sebagai gelombang kedua liberalisasi media di Malaysia. Kemunculannya telah membuka ruang kepada peningkatan mutu penyiaran di Malaysia. Ini menyaksikan pengenalan televisyen digital, kemunculan internet sebagai media baru, trend mengantikan televisyen dengan monitor komputer kerana mengakses internet, televisyen yang suatu ketika dahulu merupakan saluran maklumat paling berkesan nampaknya telah menemui pesaingnya.

Pada hari ini, Media Prima (TV3, ntv7, TV8, & TV9) dan Astro (110 saluran) berkongsi bahagian paling besar pasaran televisyen Malaysia selain RTM1 dan RTM2 yang dibiayai oleh kerajaan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM). Perkembangan terkini adalah pengenalan IPTV di Malaysia oleh TELEKOM Malaysia (39 saluran) dan FINE TV (40 saluran). Meskipun ada desas-desus RTM akan diswastakan terutama sekali dalam waktu lewat 1990-an dan awal tahun 2000-an, namun sehingga hari ini perancangan tersebut masih belum menjadi kenyataan. Alhijrah Media Corp. turut memperkenalkan TV al-hijrah iaitu sebuah saluran FTA yang memfokus kepada rancangan-rancangan Islam. Pengenalan stesen penyiaran swasta Astro menambah kepelbagaian pilihan media yang lebih banyak dan tersusun mengikut kategorinya dengan sebahagian besar kandungannya adalah yang diimport. Perkembangan industri penyiaran tersebut sebenarnya turut menimbulkan permasalahan baru apabila pelanggan Astro lebih cenderung mengakses kepada saluran-saluran berita luar negara terutamanya dari Taiwan, China (CCTV), Amerika Syarikat (CNN), United Kingdom (BBC) dan sebagainya sehinggalah Saluran 501, Astro Awani dan 502, saluran berita BERNAMA yang seratus peratus menyalurkan berita diperkenalkan pada April 2008.

Trend masa kini memperlihatkan khalayak media massa menjangkakan fleksibiliti dan pilihan yang pelbagai dengan pengenalan lebih banyak produk serta perkhidmatan baru. Peranan dan skop fungsi akhbar, radio mahupun televisyen, wartawan adalah peyambung lidah dan menjadi jambatan antara rakyat dan kerajaan. Wacana politik di televisyen sebenarnya banyak yang telah diolah sifatnya mengikut kesesuaian sesuatu tempat serta keadaan demografik. Sungguhpun demikian, bukan semuanya berpeluang menikmati perkembangan sepertimana Astro. Kebijaksanaan Astro menterjemahkan buku aturcara programnya kepada bentuk konsep majalah telah menjadikannya majalah terlaris di Malaysia. Media menjadi sebahagian dari proses demokratik dan secara pragmatik ianya adalah peraturan rancangan televisyen

untuk kriteria perdagangan saluran televisyen. Sebagai perbandingan, mengkonsepkan peranan media sebagai dwi-fungsi iaitu sebagai pemain keinstitutionan yang membina dan mempromosikan bingkai unik mereka sendiri, begitu juga pengantara untuk penyebaran bingkai berita media lain (*lihat* Cohen, 1963; Cook, 1998; T. Patterson, 1998). Di dalam pengkonsepkan ini, kebolehan kumpulan berkepentingan dan ahli politik boleh diuji secara efektif mempromosikan mesej unik polisi dan menembusi laporan media berhubung sesuatu isu (misalannya menyampaikan mesej mereka kepada publik dalam bentuk yang tidak diedit).

Artikulasi Isu-isu Sejarah Dalam Media Massa

Menerusi *flashback* perkembangan industri persurathabaran di Malaysia boleh dilihat sejak dahulu lagi, akhbar telah memainkan peranan penting *throwback* peristiwa-peristiwa terpilih di masa lalu untuk diartikulasikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan keadaan semasa pada ketika itu untuk membangkitkan kesedaran nasionalisme dan seterusnya memperjuangkan kemerdekaan daripada British. Ini seterusnya diteruskan dengan agenda-agenda pembangunan negara dari semasa ke semasa yang mana termasuklah menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada 2020 yang masih menjadi prioriti media massa di Malaysia pada masa kini. Pelbagai isu menjadi inti pati kandungan media massa di mana isu-isu sejarah sering dipetik sebagai kes rujukan untuk mempromosikan agenda kerajaan mahupun aspirasi rakyat Malaysia. Sebagai misalannya menurut informan, “*apabila menyentuh tentang perpaduan kaum semestinya Peristiwa 13 Mei akan disebut, dan apabila berbicara tentang ketenteraman awam semestinya ancaman anasir-anasir komunis akan disebut.*” Hal demikian didorong oleh kesedaran bahawa aspek kenegaraan sebenarnya ditunjangi oleh semangat patriotik dan nasionalisme. Hujah informan, “*sepertimana juga semangat nasionalisme ini telah membawa kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan seterusnya pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, semangat yang sama harus dimiliki rakyat Malaysia untuk memastikan survival negara ini dalam era globalisasi ini.*” Tidak ramai di sini yang menyedari mesej-mesej tersirat itu sebenarnya yang cuba disampaikan oleh media massa kepada khalayak. Usaha ini paling awal dimulakan oleh akhbar-akhbar memandangkan akhbar merupakan satu-satunya saluran media yang wujud dahulu dan beban tanggungjawab ini kemudiannya dikongsi oleh saluran-saluran media elektronik lain apabila mereka mulai bertapak di Malaysia. Begitupun perlu diingatkan bahawa peranan media adalah terbatas sepertimana pada pendapat informan, “*media can teach a brief history only, to know more you have to read history books.*”

Akhbar mungkin tiada kolum khas seperti *Lifestyle* (gaya hidup), *Bisnes* (perniagaan dan ekonomi), atau SPM (pendidikan) untuk mempromosi isu-isu sejarah di Malaysia tetapi lazimnya setiap kali tibanya sambutan Bulan

Kemerdekaan pihak akhbar akan mengambil inisiatif khas untuk memberi penekanan kepada menceritakan peristiwa-peristiwa penting di masa lalu sebagai pengetahuan am dan ikhtibar kepada semua. Mereka adakalanya menjemput kolumnis-kolumnis untuk menulis peristiwa-peristiwa bersejarah, warisan tinggalan sejarah (seperti A. Famosa, Menara Jam Atkinson, dan sebagainya.) mahupun tokoh-tokoh kenamaan untuk mengisi ruangan-ruangan yang disediakan khas. Satu lagi pendekatan yang dilakukan oleh media massa adalah menyiarkan laporan khas (*special report*) berkenaan sesuatu peristiwa penting pada tarikh ulang tahun kejadian tersebut misalnya tragedi *Double Six* di Sabah, Hari Kemerdekaan (31 Ogos 1957) dan Hari Pembentukan Malaysia (16 September 1963), sejarah hitam pendudukan Jepun, dan sebagainya. Peranan dan sumbangan tokoh-tokoh bersejarah merangkumi tokoh-tokoh politik (contoh mantan-mantan Perdana Menteri Malaysia), sukan, seni (contoh Seniman Agung Negara, P. Ramlee), sasterawaan, termasuk tokoh-tokoh kewartawanan (contoh Abdul Samad Ismail atau *Pak Samad*) pernah mengukir nama dalam media massa di Malaysia. Dari semasa ke semasa khalayak sentiasa boleh melihat media dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan mahupun sektor swasta menganjurkan pertandingan mahupun pameran yang boleh membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung usaha-usaha memulihara dan mengetengahkan peristiwa-peristiwa bersejarah untuk tatapan umum. Sebagai misalannya adalah penganjuran Pertandingan Foto Bersejarah (dengan tema “Sejarah Keluarga Membentuk Sejarah Negara” bagi tahun 2015) menerusi kerjasama Muzium Sabah dan agensi-agensi kerajaan lain.

Skop isu-isu sejarah yang mendapat tempat dalam media massa era pasca pembentukan Malaysia menyaksikan banyak memfokus kepada kisah-kisah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 yang juga menandakan zaman penjajahan di Tanah Melayu diikuti Belanda mengambilalih penjajahan tersebut pada tahun 1641 dan kemudiannya British pada tahun 1824 melalui Perjanjian Inggeris-Belanda sehinggalah Persekutuan Tanah Melayu memperolehi kemerdekaan dan kemudiannya pembentukan Persekutuan Malaysia. Media massa di Malaysia kebiasaannya mempunyai tema-tema mengikut musim juga misalannya dalam bulan kemerdekaan mereka akan memfokus kepada proses kemerdekaan Tanah Melayu. Menurut informan, “*suatu perkembangan menarik yang boleh dilihat sejak Dato’ Sri Najib mengambilalih sebagai Perdana Menteri adalah pengiktirafan dan usaha untuk mengangkat 16 September sebagai Hari Malaysia.*” Apa yang paling penting adalah motif mengetengahkan sesuatu peristiwa sejarah itu dalam media adalah penghayatan dan penerapan nilai-nilai yang positif oleh masyarakat dalam proses pembangunan negara. Rancangan *Hari Ini dalam Sejarah* oleh RTM sejak 1980 telah memaparkan ringkasan peristiwa-peristiwa bersejarah tanahair untuk tontonan masyarakat umum. Program ringkas tersebut meliputi aspek-aspek ekonomi, politik dan sosial tanah air dari tahun

1400 sehingga kini. Seiringan dengan perubahan zaman juga pendekatan media massa dilihat berubah dalam usaha membantu kerajaan merealisasikan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju pada 2020 dengan identitinya yang tersendiri. Perjuangan ini memerlukan media sentiasa dekat dengan sejarah bagi menjadikannya sebagai panduan ataupun bertindak sebagai penentu sempadan dalam membantu kerajaan membuat polisi bersesuaian serta membentuk pendapat umum yang kolektif terhadap sesuatu isu. Program-program televisyen yang lain termasuklah program realiti kenegaraan iaitu *Sejarawan Muda* yang disiarkan dalam saluran *TVi* (Astro 180) hasil terbitan RTM dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM). Program-program sebegini sebenarnya amat penting untuk meningkatkan pemahaman masyarakat tentang sejarah Malaysia di samping memupuk semangat cintakan negara (kenegaraan) menerusi imbasan keistimewaan atau kegemilangan suatu ketika dahulu dan pengajaran daripada kegagalan di masa lalu.

Dalam pada itu, langkah penyedia rangkaian televisyen berbayar Astro yang memperkenalkan saluran *History Channel* (CH 555) dalam tayangan berdefinisi tinggi (*High-Definition, HD*) mahupun *National Geographic Channel* (CH 553) dan *Discovery Channel* (CH 551) berjaya menarik lebih ramai penonton untuk mengikuti rancangan berkaitan sejarah yang disiarkan oleh mereka. Ini sebenarnya juga menjadi suatu cabaran kepada pengusaha-pengusaha kandungan media tempatan di Malaysia untuk menghasilkan rancangan-rancangan yang setaraf dengan kualiti rancangan terbitan luar negara. Sebarang rancangan yang ingin disiarkan dalam saluran yang boleh diakses di Malaysia lazimnya harus mematuhi garis panduan yang disediakan oleh KDN. Ini termasuklah filem yang tertakluk kepada Garis Panduan Penapisan Filem oleh Lembaga Penapisan Filem di mana sesebuah filem yang berkisar kepada sejarah pun akan dihalang ditayangkan di Malaysia atau ditapis sekiranya kandungannya mempunyai unsur-unsur seksual dan keganasan. Terdapat juga filem yang diharamkan disebabkan oleh faktor agama dan kebenaran cerita sebenar misalannya filem Noah dan *Blackhawkdown*. Begitu juga halnya dengan cabaran-cabaran lain seperti meskipun trend pengeluaran filem-filem *holocaust* telah makin berkurangan, kemunculan trend masa kini yang bertemakan anti-terrorisme telah memberikan pelbagai persepsi negatif terhadap Islam mahupun Muslim dan ini semestinya banyak menempias negara kita Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Sementara itu, boleh dilihat variasi penerbitan bahan untuk dipersembahkan melalui media massa bagi membarakan rasa cinta rakyat kepada negara juga semakin pelbagai. Penerbitan secara bersiri seperti sitkom komedi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dan *2+1* yang popular pada era 90-an turut mempromosikan integrasi nasional. Berbanding hanya bahan berbentuk formal atau pelaporan berita, materialnya berubah kepada penerbitan filem-filem patriotik yang diharap dapat menanam semangat patriotisme dalam

kalangan penonton misalannya filem *Bukit Kepong* (1981), *Leftenan Adnan* (2000), *Embun* (2002), *1957: Hati Malaya* (2007), dan *Tanda Putera* (2013). Usaha membangkitkan semangat nasionalisme dan patriotisme melalui filem ini juga dapat dilihat melalui filem *Sepet* (2004) yang mengisahkan hubungan antara seorang gadis Melayu dengan pemuda Cina. Kejayaan filem tersebut telah mengilhamkan penerbitan filem *Gubra* (2006) yang turut menyelitkan sindiran-sindiran terhadap segelintir masyarakat Malaysia yang berpakaian Melayu tetapi terikut-ikut dengan budaya Barat. Walaupun penerbitan filem seperti ini dilihat sebagai penggalak kepada industri perfileman tempatan, tidak dinafikan ia sebenarnya masih mampu memberi sumbangan kepada pembentukan nilai positif dalam kalangan masyarakat, termasuk kesedaran untuk membina nilai cintakan negara dalam diri masing-masing.

Kemunculan internet telah membuka suatu lebaran baharu kepada orang ramai untuk mengakses kepada bahan-bahan sejarah. Sebagai misalannya Arkib Negara Malaysia telah mengambil langkah proaktif memperkenalkan *Hari ini Dalam Sejarah Online* (<http://www.arkib.gov.my>) kerana menyedari khayalak aktif mencari sendiri maklumat kepada subjek yang mereka ingin ketahui. Portal-portal berita dewasa kini telah memudahkan lagi aspirasi murni ini menerusi ruang yang tidak terbatas dan akses yang mudah terutamanya menerusi arkib berita mahupun aplikasi *YouTube* untuk semua pihak. Berdasarkan keadaan semasa, terdapat begitu banyak pendapat umum yang dimuatkan dalam pelbagai ruang siber. Media sosial telah dilihat sebagai platform untuk mengutarakan sesuatu isu yang kurang mendapat perhatian media arus perdana misalannya sambutan Hari Kemerdekaan Sarawak pada 22 Julai. Bukan itu sahaja, pengaruh media alternatif begitu ketara kelihatan dalam kalangan rakyat yang tidak berpuas hati dengan keadaan dalam persekitaran mereka misalnya seperti isu kenaikan harga minyak, pelaksanaan GST, rasuah, akauntabiliti, ketelusan, dan sebagainya. Kepercayaan maklumat yang diterima daripada media adalah penting kerana ia menjadi asas kepada perluasan ruang awam dalam media sosial. Melalui saluran alternatif ini dapat dilihat bahawa tafsiran ke atas bentuk kenyataan laporan, yang ditinjau dari dimensi substantial secara umum telah memberikan gambaran bahawa elemen pendapat umum yang diterapkan dalam cara pemaparan sesuatu isu benar-benar dipraktikkan.

Perbincangan

Sejarah kewartawanan itu sendiri memainkan peranan penting dalam mendidik wartawan yang kredibel (King, 2008). Menyusuri arus perkembangan sejarah persuratkhabaran secara sepintas lalu mendedahkan ratusan akhbar pernah muncul di Malaysia dengan pelbagai motif yang berbeza. Sebahagian besarnya telah tiada tetapi terdapat juga beberapa buah akhbar yang masih wujud sehingga hari ini. Sebagai misalannya adalah *New Straits Times* (NST)

yang baru menyambut ulangtahun ke-170 (14 Julai 2015). Industri media massa ini turut dilihat berkembang seiringan dengan pembangunan negara sepertimana yang dibincangkan oleh Schramm (1964) di awal pengenalan pengajian komunikasi lagi. Peranan yang berjaya dimainkan oleh akhbar dalam sejarah Malaysia cukup memberangsangkan sehinggakan terdapat juga pihak-pihak yang beranggapan akhbarlah sebenarnya perjuangan nasionalisme walhal sebenarnya akhbar hanyalah merupakan saluran yang digunapakai oleh nasionalis untuk menyebarkan perjuangan mereka. Kita pun tidak dapat menolak sebahagian besar sejarah ditulis oleh akhbar. Begitupun persoalannya sekarang adalah apakah peranan yang dimainkan oleh media untuk memberi ruang kepada peristiwa-peristiwa bersejarah dalam penerbitan dan siaran mereka? Apa yang jelas adalah mediaskap di Malaysia telah berubah dengan penambahan begitu banyak saluran-saluran media dan kehadiran media sosial khususnya yang telah membuka ruang membolehkan suara sesiapa sahaja didengari. Peranan media juga menyaksikan perubahan daripada hanya bertindak menjadi medium menyalurkan informasi kepada suatu platform yang interaktif.

Rakyat Malaysia pada lazimnya bebas menyuarakan pendapat mereka kerana di bawah *Bill of Guarantees MSC* kerajaan telah menetapkan tidak akan mengenakan sebarang sekatan mahupun penapisan ke atas kandungan internet. Saluran media alternatif ini lazimnya dapat menyediakan ruang awam yang secara relatifnya lebih bebas daripada media cetak di samping mempunyai kelebihan dari aspek keterbukaan dan kebebasan untuk mengutara dan menyampaikan pandangan. Ini mendorong lahirnya kepercayaan kemunculan media baharu khususnya media sosial pada hari ini telah membuka ruang dan membawa kepada pendemokrasian maklumat terutama dalam landskap media perdana yang dikawal selia rapi oleh pemerintah. Peningkatan kadar literasi serta penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat dan perkembangan teknologi telah membantu menggalakkan partisipasi rakyat dalam wacana publik isu-isu yang berkepentingan dengan mereka. Kemunculan enjin pencarian dalam internet ini sebenarnya telah membuka peluang kepada mereka yang berminat untuk mencari lebih banyak maklumat dan media sosial bertindak sebagai platform kepada mereka wacana publik dan bertukar-tukar fikiran. Begitupun terlalu banyak usaha lagi yang perlu dilakukan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna media sosial agar mereka lebih bertanggungjawab terhadap apa yang mereka luahkan dan kongsi dalam alam maya tersebut agar tidak terjebak dengan salah laku menyebarkan fitnah dan hasutan.

Dalam mengupas isu-isu sejarah di Malaysia juga perlu mengambilkira usaha memahami dan mewujudkan persefahaman dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Isu-isu sejarah yang dipilih oleh media massa di Malaysia sebenarnya bersesuaian dengan dasar nasional negara. Media arus perdana didasari oleh Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan dan perundangan

komunikasi massa (atas sebab sama juga sesetengah pihak melihat media massa di Malaysia sebenarnya terkongkong). Kesedaran tentang perbezaan agama dan adat resam sebenarnya merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian. Pemahaman terhadap masyarakat di Malaysia boleh difahami dengan menggunakan pentakrifan konsep *gemeinschaft* dan *gesellschaft* yang diperkenalkan oleh ahli sosiologi Jerman iaitu Ferdinand Tonnies sesuai dengan perubahan gaya hidup dan kebudayaan masyarakat Malaysia yang banyak bersifat kebandaran dan diasimilasi dengan nilai-nilai kehidupan masyarakat Barat. Jurang ekonomi masih besar dan begitu juga perbezaan-perbezaan lain dalam kalangan rakyat yang berpunca oleh faktor geografi, etno-politik, dan sesetengah dasar yang mempunyai “*loophole*.” Sesetengah rakyat Malaysia dilihat begitu mudah diperalatkan untuk mencetuskan sengketa perkauman. Chandra Muzaffar (2015) pernah mengemukakan lima cadangan yang harus diperhalusi oleh seluruh rakyat Malaysia dalam agenda pembentukan 1Malaysia. Cadangan pertama adalah dengan memberi fokus kepada merapatkan jurang sosio-ekonomi antara wilayah yang memisahkan komuniti dan budaya penduduk di Sabah Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Kedua, jurang perkauman yang signifikan dalam segmen-segmen Melayu yang berbeza dan dengan komuniti bukan Melayu. Ketiga, menyentuh soal polarisasi iaitu jurang agama yang semakin ketara di antara segmen-segmen Muslim yang berbeza dan Muslim dengan bukan Muslim yang seterusnya mengakibatkan permasalahan sosial yang makin besar. Keempat, jurang pendapatan dan kekayaan yang semakin besar, dan terakhir, jurang antara generasi terutama di antara mereka yang berumur 50-an dengan mereka yang berumur 20-an dan 30-an.

Dalam era globalisasi dan ICT ini cabaran paling utama kepada penerbit-penerbit kandungan media nasional dan tempatan adalah menghasilkan kandungan kreatif yang setanding dengan yang diimport. Kreativiti bukanlah pilihan dalam hal ini, sebaliknya menjadi suatu keperluan. Dengan cita rasa masyarakat yang pelbagai dalam pemilihan medium saluran maklumat dan hiburan mereka, pembekal kandungan media harus mengambil langkah lebih holistik untuk menyediakan kandungan yang tepat. Sumber berita tidak seharusnya hanya bergantung pada bahan berkaitan perkembangan dunia korporat dan agenda kerajaan semata-mata tetapi berdasarkan minat insani semata-mata mahupun sebagai memenuhi tujuan hiburan sahaja. Dalam pada itu, berbanding dengan menyekat media daripada mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, penerbit kandungan media seharusnya lebih bersedia menyediakan jawapan supaya penjelasan dapat diterima dan difahami bukan sahaja dalam kalangan pengiat industri media itu sendiri, sebaliknya diterima baik oleh masyarakat. Sebarang pengubahsuaian terhadap fakta sejarah untuk memenuhi agenda tersembunyi juga harus dielakkan kerana dalam zaman IT ini semakin mudah bagi seseorang mengesahkan sesuatu fakta mahupun cerita lebih lanjut dengan bertanyakan kepada *Mr. Google*.

Dalam pada itu juga tidak lupa peranan kerajaan menerusi pelbagai dasar dan peraturan untuk mengawalselia komunikasi massa di Malaysia sepertimana yang dibincangkan oleh Mohd Safar Hasim (2001, 2002). Hal-hal seperti syarat-syarat peratusan pengisian rancangan televisyen haruslah dalam Bahasa Melayu, jumlah kandungan televisyen untuk penerbitan-penerbitan tempatan atau nasional, dan sebagainya. Ini termasuklah larangan untuk memainkan isu-isu perkauman dan keagamaan yang boleh memecah-belahkan perpaduan kaum dan keharmonian negara. Iklan-iklan di Malaysia telah disyaratkan mesti menggunakan wajah masyarakat Asia. Dengan begitu banyak perlindungan dan syarat yang disediakan, hanya tinggal tiga isu utama yang harus diteliti oleh pengusaha media sekarang. Yang pertamanya adalah kekreatifan menghasilkan kandungan (*content development*) yang menarik dan berilmu dengan kemahiran dan teknik penerbitan menggunakan teknologi terkini. Kedua, persaingan dengan saluran-saluran media dari luar negara dalam mediaskap di Malaysia pada hari ini dan ketiganya, inisiatif membantu rakyat menyelesaikan kecelaruan maklumat disebabkan terlalu banyak maklumat propaganda politik yang bermotifkan memburuk-burukkan (*discredit*) lawan politik masing-masing.

Kesimpulan

Sejarah pengenalan dan perkembangan media massa di Malaysia mempunyai keunikannya yang tersendiri khususnya akhbar yang mempunyai sejarah ratusan tahun di Malaysia. Akhbar sebagai satu-satunya bentuk media yang ada sebelum media elektronik diperkenalkan telah memainkan peranan sangat penting dalam mewujudkan kesedaran nasionalisme dan seterusnya memperjuangkan kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya pembentukan Persekutuan Malaysia. Media elektronik di Malaysia tidak mempunyai latar belakang yang sepanjang akhbar tetapi ia merupakan media yang paling pesat berkembang hasil inovasi teknologi komunikasi. Pelbagai peranan cuba dimainkan oleh media di Malaysia untuk mengartikulasikan isu-isu sejarah ke dalam kandungan media mereka untuk mempromosi toleransi dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pluralistik Malaysia. Isu-isu sejarah yang diketengahkan dalam media massa di Malaysia sebenarnya juga merupakan warna-warni keistimewaan media massa di Malaysia. Ia amat penting berperanan sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada pengorbanan tokoh-tokoh masa lalu di samping bertindak sebagai pengajaran daripada peristiwa-peristiwa penting bersejarah bertindak sebagai teladan kepada generasi baharu di Malaysia apabila media mengartikulasikan peristiwa sejarah sebagai sesuatu yang berkaitan dengan keadaan semasa.

Rujukan

- Ahmad Murad Merican. 2010. Orientalism in reporting religion: Approaches to teaching journalism and Islam as a civilization. *Asia Pacific Media Educator*, 20, 163-176.
- Altschull, J.H., 1984. *Agents of Power: The Role of News Media in Human Affairs*, London: Longman.
- Champlin, D., & Knoedler, J., 2002. "Operating in the public interest or in pursuit of private profits: News in the age of media consolidation", *Journal of Economic Issues*, 36, 459-469.
- Chandra Muzaffar. 2015. Disparities that threaten 1Malaysia. *The Star*. 24 February. <http://www.thestar.com.my/News/Nation/2015/02/24/Disparities-that-threaten-1Malaysia/> [25 February 2015]
- Hewitt, G., 2003. The War on the Web. <http://www.globalsecurity.org/org/news/2003/030325-warWeb01.htm> [12 September 2013]
- Johnson, T., & Kaye, B., 1998. "Cruising is believing? Comparing Internet and traditional sources on media credibility measures". *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 75(2), 325-340.
- King, E., 2008. "The Rome of Journalism History, and the Academy in the Development of Core Knowledge in Journalism Education". *Journalism & Mass Communication Educator*, 166-178.
- Lee Kuok Tiung, Mohd Safar Hasim, & Baszley Bee Basrah Bee. 2011. "Perkembangan Persuratkhabaran Bahasa Mandarin di Malaysia dan peranannya dalam masyarakat Cina", *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 111-133.
- McChesney, R. W., 1999. *Rich Media, Poor Democracy: Communication Politics in Dubious Times*. New York: The New Press.
- Mohamed Hashim bin Ahmad Makaruddin, 2006. "The Future of the Newspaper Industry in Malaysia in the Era of Global Media and Global Culture". *Jurnal Komunikasi*, 22, 155-161.
- Mohd Safar Hasim. 1996. *Akhbar dan kuasa: Perkembangan sistem akhbar di Malaysia sejak 1806*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohd Safar Hasim. 2001. "Kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara: Satu tinjauan dari sudut Perlembagaan Undang-undang Malaysia", *Jurnal Komunikasi*, 17: 57-65.
- Mohd Safar Hasim. 2002. *Mengenal undang-undang media dan siber*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Safar Hasim. 2003. "Circulation of Malaysian newspapers: A decade of mixed fortune", *Jurnal Komunikasi*, 19: 79-98.
- hramm, W., 1964. *Mass Media and National Development: The Role of Information in the Developing Countries*, California: Stanford University Press.

The Sabah State Archives, 1994. *The Newspaper: The Public Mind Opener – An Introduction to Newspapers at the Sabah State Archives*, Kota Kinabalu: The Sabah State Archives.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang memberikan bantuan dalam bentuk geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) untuk penyelidikan ini. Maklumat untuk penulisan artikel ini merupakan sebahagian daripada latar belakang untuk geran penyelidikan FRGS0329-SS-1/2013 dengan tajuk “Pengkonsepan semula model peningkatan untuk Pemberitaan di Malaysia.” Sehubungan dengan itu juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan rakan-rakan penyelidik di bawah geran FRGS ini.

Nota Biografi

Dr. Lee Kuok Tiung (leekuoktiung@hotmail.com; lee@ums.edu.my) merupakan Pensyarah Kanan di Program Komunikasi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2011 dan juga merupakan Alumni UMS (graduan tahun 2000). Fokus penyelidikan beliau adalah pada kewartawanan khususnya penerbitan berita, perundangan komunikasi, resepsi audiens, dan komunikasi politik. Beliau yang turut aktif dalam aktiviti kemasyarakatan sebagai sukarelawan dengan komuniti (seperti program kesiapsiagaan bencana alam dan aktiviti klinik bergerak Mercy Malaysia, kempen anti-pemerdagangan manusia, kempen menangani kemudahan minuman alkohol & isu tadbir urus tanah NCR) turut mendorong beliau terlibat dengan penyelidikan berkaitan pembangunan komuniti di negeri Sabah.

Prof. Dr. Mohd Safar Hasim (drmsafar@gmail.com) merupakan Felo Utama di Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB). Beliau lebih dikenali dari waktu dia berkhidmat sebagai Professor di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Felo Utama di Institut Islam Hadhari (HADHARI). Sehingga kini beliau mempunyai lebih daripada 50 penerbitan jurnal dan buku. Penerbitan beliau menjurus kepada amalan kebebasan media di Malaysia di mana antara hasil penerbitan beliau yang popular adalah *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806* (1996) dan *Mengenali Undang-undang Media dan Siber* (2002).